

Helo Kampus



kampus@utusan.com.my

**EXCEED IV 2015
PAMER HASIL
REKA BENTUK
PELAJAR » 20**

Landasan terbaik
mengetengahkan
bakat serta potensi
pelajar kepada
syarikat industri
reka bentuk



PARA peserta meraikan kegembiraan di puncak Gunung Kinabalu.



Tawan puncak Kinabalu

Kejayaan ekspedisi ke puncak gunung tertinggi Asia yang diketuai Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dan 21 pelajarnya

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**
kampus@utusan.com.my



Datuk Dr. Musa Ahmad dan beberapa pegawai USIM lain yang turut mendaki.

Para peserta yang terdiri daripada pelajar program khas Universiti iaitu Young Muslim Leaders of the Future (YMLF) di bawah kelolaan Pejabat Naib Canselor itu telah menjalani latihan ekspedisi selama sebulan bagi memastikan pendakian yang dirancang

dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Antara bentuk latihan sepanjang latihan pendakian itu termasuklah latihan larian di sekitar kampus, larian balapan, berbasikal dan mendaki bukit.

Sesi pendakian ke puncak Gunung Kinabalu bermula apabila peserta tiba di Sabah pada 20 Januari lalu dengan pengisian santai pada hari pertama seperti melawat Kolam Air

Panas Poring dan Fish Massage Tagal di Sungai Moroli.

Misi pendakian diteruskan pada hari kedua ke Taman Kinabalu Sabah.

Peserta diberi taklimat sebelum memulakan pendakian pada pukul 10 pagi dengan diiringi Mountain Guide.

Seorang peserta yang juga pelajar Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), Muhamad Amirul Razali berkata, terdapat dua fasa pendakian iaitu dari titik permulaan ke

Laban Rata sejauh enam kilometer (km) dan dari Laban Rata ke Puncak Gunung Kinabalu sejauh 2.7 km.

"Pendakian yang curam dan licin amat mencabar. Setiap kilometer perjalanan, terdapat pondok-pondok rehat disediakan untuk peserta.

"Ketika perjalanan itu, kami terpesona dengan kepelbagaian flora ciptaan tuhan.

"Dikatakan terdapat 5000 spesies tumbuhan terdapat di Gunung Kinabalu. Keindahan alam semulajadi yang begitu mempesonakan amat memukau perjalanan peserta. Sekitar pukul 7.30 malam, peserta selamat tiba di Laban Rata," katanya.

Kedinginan tanah tinggi semakin terasa sekali gus keterujaan untuk menyapa awan Kinabalu makin melonjak-lonjak.

Selepas menikmati makan malam dan berehat, pada pukul 3.30 pagi peserta memulakan pendakian fasa kedua.

Suhu yang mencecah 16 °C ketika itu dengan keadaan persekitaran yang gelap dan sejuk ternyata memberi cabaran berganda kepada peserta menamatkan misi.

"Berebalkan lampu suluh, kami perlu sampai ke pintu gerbang puncak sebelum pukul 5 pagi dan dikehendaki menunjukkan permit pendakian kami," kata Riza Asma'a Saari, pelajar Fakulti Sains dan Teknologi.

Tambahnya lagi, laungan azan tanda kejayaan apabila kumpulan pertama berjaya menjejakkan kaki pada pukul 6.30 pagi dan diikuti kumpulan berikutnya.

Di puncak Gunung Kinabalu bergema nyanyian lagu USIM Terus Maju, kibaran megah bendera universiti dan sesi fotografi merakamkan detik kejayaan ketika di puncak.

TANGGAL 23 Januari lalu mencipta sejarah dan kenangan terindah kepada 21 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) apabila berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu yang berketinggian 4095 meter dari paras laut.

Lebih manis lagi apabila pengalaman kali pertama sampai ke puncak gunung tertinggi Asia itu yang disenaraikan sebagai UNESCO World Heritage diraikan bersama dengan Naib Canselor USIM, Prof.

DR. MUSA AHMAD (belakang, tiga dari kanan) bersama pendaki Young Muslim Leaders of the Future USIM berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu di Sabah, baru-baru ini.

